

20/02/1997

Persidangan serantau bicang isu kerjaya wanita

PERSIDANGAN Serantau Mengenai Wanita dan Kerjaya: Cabaran Dalam Negara Industri akan berlangsung di Hotel Renaissance Palm Garden, Putrajaya, Sepang, Selangor pada 5 dan 6 Mac, depan.

Sebanyak 12 kertas kerja akan dibentangkan oleh ahli akademik, aktivis tempatan dan luar negara seperti Filipina, Thailand, Singapura dan Indonesia.

Persidangan anjuran Unit Pengajian Wanita, Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Pertanian Malaysia (UPM) bertujuan membincangkan isu hubung kait wanita dalam negara industri.

Objektif lain ialah bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman berhubung isu itu serta mencadangkan dasar kepada kerajaan yang ada kaitan dengan wanita dan kerjaya mereka.

Di Malaysia, penyertaan wanita dalam tenaga kerja adalah meningkat.

Aliran itu sejajar hasrat negara yang sedang menuju status negara industri. Wanita sebagai pekerja akan menghadapi pelbagai cabaran termasuk hak sama rata dan pembangunan keluarga serta kesihatan.

Mereka yang terbabit dalam bidang penyelidikan, ahli akademik, pembuat dasar, aktivis wanita dan sesiapa yang meminati bidang wanita dan pembangunan wajar menyertai persidangan ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail dijangka merasmikan persidangan itu. Manakala, upacara penutupnya pula oleh Exco Negeri Sembilan, Datuk Napsiah Omar.

Sebelum penutup, perbincangan ahli panel akan dipengerusikan oleh Profesor Madya Dr Cecilia Ng Choon Sim dari UPM.

Ahli panelnya ialah Presiden Peniagawati Selangor, Melia Majilis; Presiden Yayasan Aids Malaysia, Marina Mahathir dan Setiausaha Harris Advanced Technology Sdn Bhd, Kesatuan Sekerja, Bruno Periera.

Yuran penyertaan ialah RM250 seorang. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Profesor Madya Dr Maimunah Ismail menerusi nombor telefon: 603-9486101 sambungan 2901 atau Rusinah Joned dan Arbaiyah Mohd Isa (03-9486101 sambungan 2942/2903/2930).

(END)